



Kembalikan Ceria  
**Cameron Highlands**

**7** Menipu sakit,  
satu kesalahan  
rasuah?

**12** Cegah rasuah  
ibadah warga  
SPRM



# KANDUNGAN

KANDUNGAN	2
PENA PENGARANG	2
Seminar Kebangsaan Integriti dan Pencegahan Rasuah Peringkat IPT 2015	3
Kembalikan Ceria Cameron Highlands	4
Serah tugas Dato' Sri Zakaria kepada Dato' Jamidan serta pelantikan Dato' Azam Bakri sebagai Pengarah Bahagian yang baru	5
Graft: A scourge worth fighting	6
Menipu sakit, satu kesalahan rasuah?	7
LENSA	8
Program merakyatkan SPRM bersama Asian Finance Bank Berhad dan rumah Titian Kaseh	10
Cegah rasuah ibadah warga SPRM	11
88 Kadet SPRM terima surat penempatan OJT	12
Kenali kesalahan rasuah semudah A, B, C, D	13
BERITA NEGERI	14

## PENCETAK

MPH Group Printing (M) Sdn Bhd  
No. 31, Jalan 2/148A, Taman Sungai Besi Industrial Park,  
57100 Kuala Lumpur.

Tel: 03 7987 0966 | Faks: 03 7984 0966

**Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil**  
Penasihat Eksekutif Editorial

## MENSYUKURI NIKMAT

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur kepada Ilahi, kita diberi kesempatan untuk meraikan Aidilfitri dalam keadaan sederhana tetapi meriah.

Di Malaysia, kita dapat meraikan pelbagai perayaan dalam suasana yang harmoni walaupun sederhana. Di saat kita mengeluh dengan keadaan ekonomi negara, ada negara-negara yang menyambut perayaan mereka dalam pergolakan dan peperangan. Ada negara yang dilanda krisis kewangan yang lebih teruk daripada Malaysia, bahkan ada juga yang bergelut dengan krisis kekurangan bekalan makanan.

Sempena bulan yang mulia ini, SPRM tidak melepaskan peluang untuk meraikan golongan yang kurang bernasib baik. Berkolaborasi bersama AFBB buat sekian kalinya, anak-anak yatim daripada Rumah Titian Kasih menjadi pilihan sebagai tetamu.

Selaras dengan dasar ‘Merakyatkan SPRM’, penyelesaian isu-isu yang dekat dengan masyarakat terus diberi fokus dan keutamaan.

Antaranya, isu pengurusan dan penguatkuasaan di Cameron Highlands yang menimbulkan persepsi negatif masyarakat terhadap agensi kerajaan yang terlibat. Cameron Highlands kembali menjadi perhatian dengan isu penerokaan haram dan kebanjiran pendatang tanpa izin (PATI).

Perjumpaan dengan pimpinan Kerajaan Negeri Pahang diadakan bagi mencari jalan penyelesaian terbaik. Selain itu, SPRM turut melaksanakan aktiviti pendidikan kepada komuniti Cameron Highlands. Kerjasama mereka ditagih demi memastikan pusat peranginan negara itu terus dipelihara.

Mungkin ada pihak yang memperlekehkan apa jua tindakan yang dilakukan untuk memerangi rasuah dan memandang enteng usaha-usaha yang dilakukan. Namun, dengan tindakan dan usaha murni inilah kita akan bertahan sebagai sebuah negara membangun tanpa dicemari kemusnahan alam. Hanya dengan integriti dan rasa syukur kepada Ilahi, segala yang kita kecapi akan terus dinikmati. ♡

# Seminar Kebangsaan Integriti dan Pencegahan Rasuah Peringkat IPT 2015

**K**AJANG, 7 Julai – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan kerjasama Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) menjalankan kerjasama dalam usaha pencegahan rasuah di peringkat institut pengajian tinggi (IPT) dengan mengadakan Seminar Kebangsaan Integriti dan Pencegahan Rasuah Institut Pengajian Tinggi Malaysia 2015.

Seminar yang julung-julung kalinya diadakan ini bertujuan meningkatkan kefahaman dan kesedaran mengenai jenayah rasuah di peringkat IPT.

Pelbagai program menarik diadakan oleh pihak penganjur. Antaranya Wacana Ilmu yang menampilkan tokoh-tokoh terkenal iaitu Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Sahibul Samahah Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al Bakri, Rektor KUIS, Prof. Dato' Dr. Ab Halim bin Tamuri dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan, Datuk Mustafar bin Ali.

Program yang diadakan di Auditorium Dr. Zainuddin Jaafar ini mengupas beberapa isu integriti dan pencegahan rasuah. Datuk Dr Zulkifli yang merupakan pembentang pertama mengupas tentang rasuah daripada sudut pandangan Islam dengan memberikan beberapa contoh kisah teladan berkaitan isu ini.

Pembentang kedua, Prof. Dato' Ab Halim pula menghuraikan mengenai amalan integriti dalam kalangan pelajar. Tidak menudung jari kepada orang lain, Prof. Dato' Ab Halim menjadikan KUIS sendiri sebagai contoh dalam pembentangannya yang bertajuk ‘Amalan Integriti Dalam Kalangan Warga KUIS Melalui Inspirasi Da'i, Ulama dan Umara’.

Datuk Mustafar, selaku pembentang ketiga menekankan kepentingan ilmu pengetahuan kepada generasi ‘Y’ dalam menangani gejala rasuah pada masa kini. Datuk Mustafar mengupas kajian yang dilakukan pada tahun 2002, 2007 dan 2012 yang mana walaupun tahu dan sedar akan kesan dan bahaya rasuah, rata-rata lepasan ijazah yang ditanya sanggup menerima rasuah jika ianya membawa hasil yang lumayan.



Program Wacana Ilmu, Seminar Kebangsaan Integriti dan Pencegahan Rasuah Institusi Pengajian Tinggi Malaysia 2015 menampilkan tiga tokoh hebat Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan, YBhg. Prof. Dato' Dr. Ab Halim Tamuri

Seminar ini telah dihadiri seramai 500 orang peserta terdiri daripada ahli akademik, ulama, badan bukan kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan pimpinan mahasiswa.

Turut diadakan sepanjang seminar yang mengambil masa satu hari ini adalah pelancaran buku bertajuk ‘Integriti dan Pencegahan Rasuah: Pendidikan Integriti Dalam Pembangunan Modal Insan’, perasmian Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) KUIS dan majlis menandatangani Ikrar Integriti Korporat oleh KUIS. KUIS menjadi institut pengajian tinggi swasta pertama mewujudkan SPR.

Pada sebelah petangnya, diadakan dua pembentangan selari yang membariskan tokoh-tokoh negara dalam pelbagai bidang iaitu mantan Ketua Polis Negara dan Ahli Panel Lembaga Pencegahan Rasuah (LPPR), Tan Sri Musa bin Hassan; penceramah bebas dan pensyarah KUIS, Ustaz Farid Ravi bin Abdullah; Presiden Institut Integriti Malaysia, Dr. Anis Yusof bin Yusof; mantan Naib Canselor Universiti Sains Malaysia dan ahli LPPR, Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli bin Abdul Razak; Ketua Unit & Integriti Enterprise Telekom Malaysia Bhd, Puan Zaleena binti Abdul Ghani; dan pensyarah kanan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Dr. Akbal bin Abdullah.

Pada sebelah malam diadakan majlis berbuka puasa bersama warga KUIS dan majlis tazkirah yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme), Dato' Sri Zakaria bin Jaffar.

Program seminar ini diakhiri dengan solat sunat tarawih dan witir. Secara keseluruhannya, seminar ini berlangsung dengan jayanya walaupun diadakan dalam bulan Ramadhan. Paling penting, matlamat untuk menyampaikan maksud integriti dan menyemaikannya dalam diri pelajar berjaya dipenuhi. ♪

# KEMBALIKAN CERIA CAMERON HIGHLANDS



Program merakyatkan SPRM Bersama dengan kerjasama REACH di Cameron Highlands.

**S**ekitar tahun 90-an, Cameron Highlands antara kawasan banjaran pergunungan yang menjadi tumpuan pelancong. Udara yang nyaman dan suhu yang rendah menjadikan Cameron satu tarikan pelancong. Ditambah dengan kehijauan dan keharuman daun teh, ladang strawberi dan kebun-bebun bunga yang menghiasinya.

Malangnya ia tidak kekal lama. Hari berganti dan tahun bertukar. Keindahan yang suatu ketika menjadi daya tarikan, kian pudar. Bahkan kehangatan suhu semakin membaham kesejukan semulajadi di Cameron Highlandss.

Tahun 2014 mencatat detik hitam dalam sejarah Cameron Highlands dengan beberapa kejadian tanah runtuh. Nyawa melayang, kemusnahan penempatan dan harta berlaku, bahkan sumber mata pencarian turut terjejas.

Menjengah ke tahun 2015, Cameron Highlands kembali menjadi sebutan. Kali ini dihangatkan dengan isu penerokaan haram dan kebanjiran pendatang tanpa izin (PATI).

Memandang serius kepada permasalahan ini, sebuah badan bukan kerajaan (NGO), Persatuan Kesedaran Alam Sekitar Cameron Highlandss (REACH) telah mengadakan pertemuan dengan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Mustafar bin Ali dan beberapa pegawai SPRM. Mereka dibawa melawat sekitar kawasan yang terlibat dengan pencemaran, pencerobohan dan kemusnahan di sekitar Kuala Terla dan Berinchang.

Menurut Presiden REACH, R. Ramakrishnan, telah banyak aduan yang dibuat dan dilaporkan, namun tiada tindakan tegas dan serius daripada mana-mana pihak.

Selaras dengan dasar ‘Merakyatkan SPRM’, usaha menangani masalah ini dilakukan melalui sesi konsultasi dengan pimpinan Kerajaan Negeri Pahang.

Justeru, pada 29 Julai 2015, SPRM mengadakan pertemuan dengan YAB Menteri Besar Pahang, Dato’ Sri Adnan bin Yaakob dan barisan Exconya. Satu pembentangan dibuat oleh Datuk Mustafar yang menekankan mengenai pelaksanaan syor-syor yang pernah dikemukakan SPRM pada tahun 2014 bagi menambah baik pengurusan dan penguatkuasaan tanah



Penyerahan poster pencegahan rasuah oleh Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, Dato' Shahmshun Baharin bin Mohd Jamil sempena Program Merakyatkan SPRM di Cameron Highlands.



ama NGO  
eron

di Cameron Highlands. Kerajaan negeri diminta segera melakukan penambahbaikan agar masalah dapat diselesaikan. Jika tidak, ia akan terus memberikan persepsi negatif masyarakat terhadap keberkesanan agensi-agensi yang terlibat dalam pengurusan dan penguatkuasaan di pusat peranginan itu.

Pada masa yang sama, SPRM turut mendidik komuniti Cameron Highlands supaya terus memainkan peranan mereka. Pada 30 Julai 2015, Program Merakyatkan SPRM Bersama NGO diadakan dengan kerjasama REACH. Seramai 50 peserta hadir mewakili Komuniti Persatuan Pekebun Bunga, Persatuan Pekebun Sayur dan Persatuan Pekebun Buah di sekitar Cameron Highlands.

Dalam sesi forum yang bertajuk Tangisan di Cameron Highlands, Datuk Mustafar menegaskan kepentingan membenci apa jua bentuk rasuah dan kepentingan kerjasama rakyat untuk menangani jenayah itu. Apa yang penting adalah laporkan sebarang pelakuan rasuah kepada SPRM.

Tanpa kerjasama daripada semua pihak, segala usaha yang dilakukan oleh SPRM akan menjadi sia-sia. Justeru, setiap jabatan dan agensi di negeri Pahang khususnya, perlu memainkan peranan dalam memastikan Cameron Highlands kembali ceria dan tangisan ini dihentikan.

## SERAH TUGAS DATO' SERI ZAKARIA KEPADA DATO' JAMIDAN SERTA PELANTIKAN DATO' AZAM BAKI SEBAGAI PENGARAH BAHAGIAN YANG BAHARU.



Tanggal 3 Ogos 2015, berlangsung Majlis Serah Tugas bagi jawatan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM antara Dato' Sri Zakaria bin Jaffar dengan Dato' Jamidan bin Abdullah. Ia berikutkan Dato' Sri Zakaria yang akan bersara pada tanggal 12 Oktober 2015. Majlis ringkas ini diadakan di Bilik Teater, Aras 4, ibu pejabat SPRM, Putrajaya.

Dato' Sri Zakaria, 58, telah berkhidmat selama lebih 33 tahun di BPR/SPRM bermula dari tahun 1982.

Beliau mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi dan Sarjana Pengurusan Pentadbiran (Pengurusan Sumber Manusia) dari Graduate School of Management, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pengganti Dato' Sri Zakaria iaitu Dato' Jamidan, 57, merupakan mantan Pengarah Bahagian Siasatan SPRM.

Sementara itu, Dato' Azam bin Baki, 52, yang merupakan Pengarah Bahagian Perisikan SPRM dilantik menggantikan tempat Dato' Jamidan sebagai Pengarah Bahagian Siasatan.

**O**N MARCH 17 this year, Tenaga Nasional Bhd employee Muhammad Prem Haikal Abdullah had a workday he would not forget easily. Two women, separately, offered him RM400 and RM300 in the hope that despite their unpaid electricity bills, the power supply to their shops would not be cut.

He did not go along with that. Instead, he reported those incidents and the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) charged the women with the offences. On Wednesday, the two pleaded guilty and the Shah Alam Sessions Court fined one RM4,000 and the other RM3,000.

This is not the first time that Muhammad Prem Haikal, a senior manager with the power company's investigation and intelligence

Nevertheless, everyone can agree that the efforts must go on. How can Malaysia achieve high-income nation status if corruption undermines public confidence in the Government and other cornerstone institutions; puts off people from participating and investing in the national economy; and deprives the economy of resources?

On Thursday, when defending the Government's record in countering corruption, Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pointed out that Malaysia was ranked 50th out of the 175 countries covered in Transparency International's Corruption Perceptions Index 2014. The year before, Malaysia was 53rd. The aim is to be in the top 30 by 2020.

# Graft: A scourge worth fighting



unit, had refused to be bribed. In March 2012, RM1,000 was dangled before him because a businessman wanted to avoid being hauled up for electricity theft. A year later, the man was punished with a day in jail and a RM10,000 fine.

There have been many similar court cases centred on failed attempts to bribe other Tenaga Nasional officers.

Most Malaysians probably consider these as minor wins in the fight against corruption in Malaysia, which is a key focus of the Government Transformation Programme. But these cases also underscore two crucial points – corruption is not just the public sector's problem, and often, corruption involves both the givers and the takers.

It is useful to bear these in mind in these days of raging controversies, persistent allegations and dramatic developments.

It may be hard for us to stay patient, rational and far-sighted in the current political and economic conditions, but as this week's International Anti-Corruption Conference in Putrajaya has shown, there is no quick and easy way to beat corruption.

He added that the Government was looking into plans to strengthen the independence of the MACC and the office of the Auditor-General.

This is a clear statement of intent. What is less apparent though is whether there is sufficient national resolve to embrace transparency, integrity and accountability.

It is not enough to merely rail against corruption. For Malaysia to battle corruption effectively, we must all spurn illegal short cuts such as giving bribes to escape enforcement action or to tilt the playing field.

Also, we have to be ready to act. Of late, there has been some contention over what qualifies as whistle blowing, but one thing has not changed – every time a brave and conscientious person exposes an abuse of power, corruption dies a little. And that has to be coupled with a collective will to ensure the wrongdoers do not get away with it.

The anti-corruption war is long and arduous, but it is without doubt a fight worth fighting. ♦

# MENIPU SAKIT, SATU KESALAHAN RASUAH?

Oleh: Mohamad Tarmize bin Abdul Manaf

**S**alah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009) adalah mengemukakan dokumen tuntutan palsu. Seksyen 18 akta itu menyatakan bahawa menjadi satu kesalahan apabila mana-mana orang mengemukakan dokumen tuntutan (contohnya, pesanan kerajaan, resit dan invoice) yang mempunyai butiran palsu dengan niat untuk menipu prinsipalnya (pejabat/majikan).

Contoh kepada kesalahan ini adalah, seorang kontraktor menuntut bayaran bagi projek yang sebenarnya tidak dibuat atau belum siap.

Contoh kedua, seorang pembekal membuat tuntutan bagi 20 kamera DSLR yang kononnya telah dibekalkan. Hakikatnya, beliau hanya membekalkan 20 kamera digital yang harganya jauh lebih rendah.

Selain daripada itu, tahukah anda bahawa mengemukakan sijil saksi atau MC boleh menjadi kesalahan rasuah? Ia merupakan kesalahan di bawah kategori mengemukakan tuntutan palsu.

Mungkin anda tertanya-tanya bagaimana ia boleh termasuk dalam kesalahan tersebut? Ada juga yang secara sinis berkata, "Adakah terdapat kes sebenar yang berlaku? Atau sekadar teori akademik?"

Untuk menjawab soalan-soalan tersebut, mari kita bersama-sama menghayati satu kes otoriti yang melibatkan sijil sakit palsu iaitu Nadimuthu v. Public prosecutor (1972) 1 LNS 96.

Dalam kes ini, Nadimuthu yang bekerja di Malayan Railways (nama lama bagi Keretapi Tanah Melayu Berhad) telah mengemukakan dua sijil sakit yang diperoleh daripada Lum Dispensary seperti berikut:

1. Sijil sakit bertarikh 5 Ogos 1968 yang memberi beliau cuti sakit sebanyak sehari; dan
2. Sijil sakit bertarikh 7 Ogos 1968 yang memberi beliau cuti sakit sebanyak sehari;

Dalam kedua-dua sijil sakit tersebut, beliau dikatakan telah diperiksa oleh Dr. Lum Weng Song (MBBS Hong Kong) yang mengesahkan beliau tidak sihat dan tidak berupaya (unfit) untuk menjalankan tugas pada tarikh berkenaan. Beliau diberikan cuti sakit yang melayakkan beliau menerima gaji penuh.

Kedua-dua sijil sakit berkenaan didapati tidak benar kerana beliau tidak sakit pada tarikh-tarikh berkenaan. Nadimuthu dituduh di mahkamah di bawah seksyen 4(c) Akta Pencegahan Rasuah 1961. Peruntukan lama ini bolehlah disamakan dengan seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Akhirnya, mahkamah mendapati Nadimuthu bersalah dan didenda \$25 bagi setiap pertuduhan. Gaji dua hari yang dibayar semasa beliau 'cuti sakit' dibayar balik kepada Malayan Railways. Alasannya beliau telah ponteng kerja tanpa alasan.

Nadimuthu merayu dengan alasan sijil sakit tidak termasuk dalam maksud dalam 4(c) Akta Pencegahan Rasuah 1961.

Hakim Mahkamah Tinggi, Y.A Hakim Abdul Hamid telah mengekalkan sabitan dengan alasan berikut:

1. Dokumen sijil sakit termasuk dalam tafsiran 'other document' seksyen 4(c) Akta Pencegahan Rasuah 1961.
2. Apabila Nadimuthu tidak hadir kerja dengan mengemukakan dua sijil sakit tersebut, sijil tersebut melayakkan beliau diberi dua hari cuti bergaji penuh.
3. Sijil tersebut juga melayakkan beliau dibayar dua hari gaji oleh Malayan Railways.
4. Faktor itu menjadikan sijil sakit adalah dokumen yang mempunyai nilai kewangan.

Diharap kes ini dapat memberi iktibar kepada masyarakat agar tidak memandang mudah kepada cuti sakit. Doktor dan pegawai perubatan juga perlu berwaspada agar tidak terlibat sekiranya ada 'pesakit' yang tidak sakit memohon MC daripada anda.

Akhir sekali, laporkan sebarang jenayah rasuah. Anda boleh lakukan perubahan, perangi rasuah. ♡





## LENSA



YAB Menteri Besar Pahang, Dato Sri Adnan bin Yaacob mengetuai bacaan ikrar integriti semasa program Taklimat dan Wacana Bersama Ahli Parlimen, ADUN dan Senator Negeri Pahang.



Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM bergambar dengan Peserta Executive Certificate Course for Strategic Management of Anti-Corruption Programme.



Pegawai-pegawai daripada Sekretariat IACC menghadiri Rumah Terbuka Bahagian Pendidikan Masyarakat.



Pameran oleh SPRM sempena Hari Komuniti Strata.



Tan Sri Abu Kassim dan bersama-sama meraikan anak-anak yatim daripada Rumah Titian Kasih.



Program Pencegahan Rasuah Negeri Pahang.



Mesyuarat bersama bomba pada 24 Ogos 2015.



Perbincangan IPG pada 23 Ogos 2015.

# Program merakyatkan SPRM bersama ASIAN FINANCE BANK BERHAD dan RUMAH TITIAN KASEH



KUALA LUMPUR, 10 Julai – Buat kali ketiga, SPRM menjalin kerjasama dengan Asian Finance Bank Berhad (AFBB) bagi meraikan anak-anak yatim, ibu-ibu tunggal, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) daripada Rumah Titian Kaseh, Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur melalui Program Merakyatkan SPRM Bersama Asian Finance Bank Berhad (AFBB) dan Rumah Titian Kaseh.

Majlis yang berlangsung di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) ini bertujuan untuk memupuk kesedaran dan pendekatan nilai-nilai murni dalam diri pegawai dan kakitangan SPRM supaya bersedekah, beramal dan prihatin kepada insan yang kurang bernasib baik. Di samping itu, ia merupakan tanggungjawab sosial semua pihak untuk mendekati mereka dengan lebih mesra sambil beramal.

Seramai 65 penghuni Rumah Titian Kaseh telah diraikan oleh 240 tetamu jemputan daripada beberapa syarikat dan pertubuhan iaitu syarikat Pharmaniaga Berhad, Syarikat Prasarana Negara Berhad, Petronas, CD Holdings dan Puspanita SPRM yang sudi menghulurkan sumbangan.

Turut hadir, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed bersama isteri Puan Sri Rasheedah binti Zachariah Merican merangkap Pengerusi Puspanita SPRM, Ketua Eksekutif Asian Finance Bank Berhad (AFBB), Datuk Mohamed Azahari bin Mohamed Kamil dan isteri, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme), Dato Zakaria bin Jaffar, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Datuk Mustafar bin Ali, Pengerusi Persatuan Pesara BPR/SPRM, Datuk Abdul Razak bin Idris, pengarah-pengarah bahagian SPRM, beberapa Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO), pegawai-pegawai SPRM dan pegawai-pegawai daripada AFBB.

Tan Sri Abu Kassim dalam ucapannya berkata, "SPRM

“SPRM perlu dekat dengan segenap lapisan masyarakat agar dapat merasa dan menjiwai denyut nadi masyarakat supaya usaha memerangi rasuah itu benar-benar dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan komprehensif.”

“...program ini mengingatkan diri kita terhadap tanggungjawab kepada ibu bapa kita serta menyemai perasaan kasih sayang di antara satu sama lain.”

perlu dekat dengan segenap lapisan masyarakat agar dapat merasa dan menjiwai denyut nadi masyarakat supaya usaha memerangi rasuah itu benar-benar dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan komprehensif”. Tambahnya lagi, “Program ini mengingatkan diri kita terhadap tanggungjawab kepada ibu bapa kita serta menyemai perasaan kasih sayang di antara satu sama lain”.

Sesi diteruskan dengan persembahan nasyid oleh kumpulan Nurani SPRM yang mendendangkan beberapa buah lagu. Majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan kepada para penghuni Rumah Titian Kaseh. Sejurus selepas itu, sesi penyampaian sijil penghargaan kepada wakil beberapa syarikat yang memberikan sumbangan kepada penghuni Rumah Titian Kaseh.

Majlis seterusnya diteruskan dengan tazkirah Ramadhan yang disampaikan oleh Ustaz Nik Mohd Sukiman Bin Nik Yusof bertajuk “Punca dan Kesan Rasuah” sebagai pengisian rohani kepada tetamu yang hadir sementara menantikan waktu berbuka puasa.

Usai majlis berbuka puasa, turut diadakan solat fardu Maghrib berjemaah dan diikuti makan malam serta kemudiannya solat Isyak dan solat sunat Terawih. Majlis berakhir dengan jamuan moreh.



## CEGAH RASUAH IBADAH WARGA SPRM

**D**ENGKIL, 15 Ogos 2015 – Majlis Sehati Sejiwa Aidilfitri 2015 anjuran bersama Bahagian Kewangan, Akaun dan Pembangunan (BKAP), Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), Bahagian Pemantauan dan Penyelarasan, Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme serta Bahagian Keselamatan telah diadakan di Teratak DZ Height.

Semasa majlis ini berlangsung, mantan Timbalan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), YBhg. Dato' Sri Haji Zakaria bin Hj. Jaffar dengan berbesar hati menyampaikan amanatnya kepada warga SPRM.

“Tugas SPRM adalah tugas yang berat kerana ia merupakan satu ibadah. Kita juga perlu banyak bergantung kepada Allah dan membersihkan diri daripada punca pendapatan yang haram serta bebas daripada berhutang,” ujar beliau.

Seawal 7.30 pagi aktiviti bergotong-royong dimulakan dengan kerja-kerja pembersihan sehingga penyediaan juadah untuk para pengunjung.

Majlis ini dihadiri kira-kira 800 pengunjung, termasuk pengarah-pengarah SPRM di peringkat bahagian dan pengarah negeri. Bagi memeriahkan majlis, program

sukaneka turut diadakan untuk pengunjung semua peringkat umur.

Majlis turut diserikan dengan bacaan seloka yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah Bahagian Pemantauan dan Penyelarasan, PKPj Ahmad Sabri bin Mohamed.

“  
Tugas SPRM adalah tugas yang berat kerana ia merupakan satu ibadah. Kita juga perlu banyak bergantung kepada Allah dan membersihkan diri daripada punca pendapatan yang haram serta bebas daripada berhutang.  
”

Sementara itu, Pengarah Bahagian Pemantauan dan Penyelarasan, Dato' Muhammad Salim Sundar bin Abdullah telah menyampaikan cenderahati kepada Dato' Sri Hj Zakaria. Majlis diakhiri dengan ucapan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM, Dato' Mohd. Jamidan bin Abdullah. ♀

# 88 KADET SPRM TERIMA SURAT PENEMPATAN OJT



**K**UALA LUMPUR, 20 Ogos – Seramai 41 kadet Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Siri 18 Bil 1/2015 dan seramai 47 kadet siri 19 Bil 2/2015 menerima surat penempatan On-Job-Training (OJT) semasa Majlis Penyerahan Surat Tauliah kepada Pegawai Kadet di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).

Surat penempatan tersebut disampaikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Mustafar bin Ali.

Dalam ucapannya, Datuk Mustafar mengingatkan mereka tentang tiga perkara utama dalam bekerja iaitu *duty, joy and passion*.

“Anda perlu jelas tentang tugas kita sebagai pegawai SPRM. Anda mesti mempunyai rasa seronok dalam bekerja serta menunjukkan kecintaan dan keghairahan dalam menjalankan tugas.”

“Kita perlu bijak menjadikan isu dan cabaran yang kita hadapi kepada peluang untuk mencapai sesuatu. Kita juga mesti sentiasa bersiap sedia dalam melaksanakan tugas demi kecemerlangan organisasi.”

Tambah beliau lagi, “Pegawai SPRM perlu mempunyai minat yang mendalam ketika menjalankan tugas yang diamanahkan”.

Melalui program OJT, pegawai kadet akan ditempatkan di SPRM bahagian atau negeri selama enam bulan. Tujuan OJT adalah untuk memberi pendedahan kepada pegawai kadet mengenai tugas-tugas utama SPRM dalam melaksanakan siasatan.

Turut hadir dalam majlis berkenaan ialah Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme), Dato’ Mohd. Jamidan bin Abdullah. ♀

# KENALI KESALAHAN RASUAH SEMUDAH A, B, C, D

Rasuah merupakan satu jenayah yang mempunyai banyak cabang kesalahan. Menurut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (Akta SPRM 2009), kesalahan rasuah bukan sahaja melibatkan perbuatan ‘memberi dan menerima suapan’. Termasuk dalam kesalahan rasuah adalah mengemukakan tuntutan palsu dan pegawai awam menggunakan kedudukannya untuk mendapat suapan. Orang awam selalu terlupa dengan kesalahan-kesalahan ini.

Sebenarnya ia tidak sukar hendak difahami oleh masyarakat umum. Kesalahan rasuah mudah diingati dengan formula A, B, C dan D seperti di bawah:



## A: AMBIL

Sesiapa yang meminta atau menerima suapan rasuah sebagai dorongan untuk melakukan sesuatu tindakan yang berkait dengan tugas rasmi. Kesalahan ini diperuntukkan di bawah seksyen 16(a) dan 17(a) Akta SPRM 2009.



## B: BERI

Sesiapa yang menawar atau memberi suapan rasuah kepada pegawai awam atau swasta untuk melakukan sesuatu tindakan yang melibatkan tugas rasmi. Kesalahan ini diperuntukkan di bawah seksyen 16(b) dan 17(b) Akta SPRM 2009.



## C: CLAIM

Sesiapa yang mengemukakan dokumen yang menngandungi butiran palsu dalam membuat tuntutan bayaran. Contohnya, menuntut pembayaran bagi pembekalan peralatan pejabat yang sebenarnya tidak pernah dibekalkan. Kesalahan ini diperuntukkan di bawah seksyen 18 Akta SPRM 2009.



## D: DUDUK

Penjawat awam yang menggunakan kedudukan atau jawatan untuk mendapatkan suapan bagi dirinya. Kesalahan berlaku apabila seseorang pegawai awam menggunakan kedudukan rasminya untuk memberikan sesuatu projek kerajaan kepada sesebuah syarikat yang dimilikinya atau syarikat ahli keluarganya. Kesalahan ini diperuntukkan di bawah seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Dengan mengetahui maklumat ini, masyarakat akan lebih memahami bidang tugas SPRM berbanding agensi penguat kuasa yang lain. Contohnya, jenis kesalahan yang perlu dilaporkan kepada SPRM atau polis. Maklumat ini juga amat penting agar masyarakat dapat melaporkan kesalahan-kesalahan rasuah secara lebih jelas. Harus diingat bahawa SPRM tidak akan dapat melaksanakan siasatan secara efektif tanpa kerjasama daripada orang ramai.



## BERITA NEGERI

### **PROGRAM MERAKYATKAN SPRM BERSAMA KETUA-KETUA JABATAN NEGERI KEDAH SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2015**

**ALOR STAR, 5 Ogos** – Satu Program Merakyatkan SPRM bersama Ketua-ketua Jabatan Negeri Kedah telah diadakan sempena Hari Raya Aidilfitri diadakan di Perkarangan Pejabat SPRM Negeri Kedah,Bangunan Persekutuan, Alor Setar, anjuran SPRM Kedah.

Tujuan utama program ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk mendekati semua jabatan kerajaan yang berisiko tinggi dan juga agensi kerajaan, GLC, Badan Bukan Kerajaan (NGO), komuniti serta pegawai yang telah bersara untuk bersama-sama SPRM dalam usaha mencegah rasuah di Negeri Kedah.

Anggaran peserta yang hadir dalam program ini adalah seramai 500 orang membabitkan ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan di seluruh negeri Kedah, pegawai dan kakitangan, pegawai dan kakitangan daripada syarikat GLC, NGO dan lain-lain.

Turut hadir sama dalam majlis ini adalah Pengarah SPRM Negeri Perak, Y.Bhg. Dato' Hjh Nooraziah binti Abdul Manaf, Pengarah SPRM Negeri Perlis, PPj Yaacob bin Angah, Timbalan Pengarah SPRM Negeri Pulau Pinang P/PKPj Yusof bin Shamsudin, Ketua Polis Negeri Kedah Y.Bhg. Dato' Zamri bin Yahya, Pengurus Besar Perbadanan Menteri Besar (MBI), Dr. Mahadi bin Mohamad, Pegawai Khas Pengurusan MBI, Tuan Nornekman bin Osman, Ketua Unit Pendakwaan, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah, Tuan Salim Bin Soib, Setiausaha Politik Menteri Besar Kedah, Y.Bhg. Dato' Azimi bin Daim, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah, Acp Mohd Nasir bin Ya dan para wartawan The China Press, Bernama, RTM, Metro.

Secara keseluruhannya program ini berjaya mencapai matlamatnya. Di akhir majlis ini, persetujuan untuk menyokong SPRM dalam usaha mencegah rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan dapat dicapai. ♦

### **MAJLIS PENERANGAN DAN DIALOG SPRM BERSAMA KOMUNITI CINA NEGERI PERLIS**

**KANGAR, 1 OGOS 2015** – Mendekati masyarakat Cina dan meraih kembali kepercayaan mereka kepada SPRM merupakan antara salah satu matlamat SPRM pada tahun 2015.

Justeru, SPRM Negeri Perlis dengan kerjasama daripada Malaysian Chinese Association (MCA) menganjurkan Majlis Penerangan dan Dialog SPRM bersama Komuniti Cina Negeri Perlis bertempat di Dewan Mesyuarat Wisma MCA , Kangar Negeri Perlis.

Majlis dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi pertama, penerangan yang bertajuk Peranan Masyarakat Memerangi Rasuah telah disampaikan oleh Pegawai Pendidikan Masyarakat Ibu Pejabat SPRM, PPs Ho Ka Nyan dan sesi kedua iaitu dialog yang menampilkan Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan, YBhg. Datuk Mustafar bin Haji Ali sebagai Panel 1 dan Pengarah SPRM Negeri Perlis, PPj Yaacob bin Angah sebagai Panel 2 manakala PPS Ho Ka Nyan sebagai moderator majlis dialog ini.

Majlis Penutup bagi program ini dirasmikan oleh Menteri Besar Negeri Perlis, YAB Dato' Seri Azlan bin Man. Dalam ucapannya, Beliau amat menghargai sokongan peserta yang hadir ke Majlis ini sebagai sokongan bersama kepada Kerajaan Negeri dan SPRM Perlis khususnya dalam meningkatkan pengetahuan dan memerangi perbuatan rasuah.

Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah Kuiz SPRM kepada 20 orang pemenang Kuiz SPRM dan cenderahati sebagai penghargaan kepada tetamu VVIP. ♦

## BERITA NEGERI

### **PROGRAM PENCEGAHAN RASUAH SPRM PAHANG BERSAMA KETUA JABATAN NEGERI DAN PERSEKUTUAN DAN KOMUNITI SETEMPAT SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI.**

**BANDAR INDERA MAHKOTA, 4 Ogos** – Program Pencegahan Rasuah bersama komuniti dan Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri Pahang sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri dianjurkan oleh SPRM Pahang diadakan. Objektif utama program ini adalah untuk mengeratkan silaturrahim antara pihak SPRM, khususnya SPRM Pahang bersama-sama ketua-ketua agensi berkenaan. Selain itu, dengan adanya program sebegini diharapkan pihak-pihak berkenaan dapat membantu SPRM Pahang dalam usaha-usaha membanteras dan mencegah rasuah.

Program dimulakan dengan taklimat Pencegahan Rasuah oleh Pengarah SPRM Negeri Pahang, Dato' Zainul bin Darus. Dalam taklimatnya, Dato' Zainul menyeru Ketua-ketua Jabatan dan pengamal-pengamal media bersama-sama SPRM khususnya SPRM Pahang dalam usaha menghapuskan rasuah.

Seterusnya program diteruskan dengan sesi ceramah yang disampaikan oleh Ketua Unit Pendidikan

Masyarakat SPRM Pahang, Pengusaha Khairul Anuar bin Johari. Beliau menerangkan tentang bahaya rasuah dan akibatnya. Selain itu, beliau turut meminta masyarakat agar terus bersama-sama SPRM dalam usaha memerangi rasuah dan membentuk budaya integriti dalam kehidupan sehari-hari.

Program ini dihadiri oleh Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, Hakim Mahkamah Khas Rasuah Kuantan, wakil daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO), wakil daripada agensi swasta, pemimpin masyarakat setempat, dan wakil daripada media massa.

Hasil maklum balas daripada program ini, didapati pemahaman audiens berkaitan dengan kesalahan-kesalahan rasuah, kesan dan akibat daripada amalan rasuah berjaya ditingkatkan. Malah, beberapa jabatan meminta agar program sebegini diteruskan dari semasa ke semasa supaya dapat mengeratkan hubungan dengan masyarakat di samping meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai rasuah.❸

### **MISI WAR TERJAH MRSM BATU PAHAT**

**PARIT SULONG, 15 Ogos** – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan kerjasama Majlis Amanah Rakyat (MARA) hari ini meneruskan kempen memerangi rasuah di peringkat sekolah menengah dan diadakan di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Batu Pahat.

Kempen ini merupakan kesinambungan daripada kempen Wira Anti Rasuah (WAR) yang telah diadakan di beberapa buah sekolah sebelumnya.

Program yang diadakan selama satu hari ini, melibatkan dua kumpulan iaitu kumpulan pentadbir sekolah yang terdiri daripada guru-guru dan kakitangan sekolah serta kumpulan pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan 4 dan 5.

Pelbagai program-program menarik diadakan antaranya ceramah yang disampaikan oleh PPj Samsul bin Salip daripada Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM Ibu Pejabat, kajian kes yang menilai dan menguji tahap pemahaman pelajar-pelajar mengenai rasuah dan kesannya, dan sesi menguji kekreatifan pelajar-pelajar dalam menginterpretasikan gejala rasuah dalam bentuk lakonan dan nyanyian.



Bagi kumpulan pentadbir sekolah pula, satu sesi ceramah diadakan dan disampaikan oleh PPj Chandrasegar a/l Thangavelu daripada SPRM Negeri Johor. Beliau menerangkan mengenai istilah-istilah yang biasa digunakan selain rasuah dan menyentuh tentang larangan-larangan mengamalkan budaya rasuah dalam agama Islam, Buddha dan Kristian. Selain itu, beliau turut memberikan contoh kesan-kesan daripada amalan rasuah.

Di akhir program, diadakan sesi penyampaian hadiah kepada Kumpulan MRSM Anti Corruption Commission (MACC) yang telah menjuarai sesi kajian kes dan sesi uji kreatif. Turut diselitkan mengenai kerjaya di SPRM dan penyampaian cenderamata kepada pelajar-pelajar oleh PPj Maznah binti Che Muda daripada Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM Ibu Pejabat dan Encik Azman.❸

# KESALAHAN



MENGGUNAKAN JAWATAN  
ATAU KEDUDUKAN  
UNTUK MENDAPATKAN RASUAH

(Seksyen 23)

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

# HUKUMAN

Penjara tidak melebihi 20 tahun

&

5 kali ganda nilai suapan  
atau RM 10,000  
mana lebih tinggi



BEBAS • TELUS • PROFESIONAL

Email: [info@sprm.gov.my](mailto:info@sprm.gov.my)  
Web : [www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)  
SMS : 019 6000 696  
Gerbang SMS :  
Taip SPRM MENU & Hantar ke 15888

Anda  
Boleh Lakukan Perubahan  
**PERANGI**  
Rasuah

